



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, Oktober 28, 2016

MENGENAI KAMI

PENYELIDIKAN

AKADEMIK

JARINGAN

ANTARABANGSA

KEHIDUPAN KAMPUS

PERKHIDMATAN



| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM anjur kejohanan Sukan Kolej Semester 1 Sesi 2016/2017



Oleh: Noriza Sainal dan Suhaila Ali

SERDANG, 24 Sept – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Kejohanan Sukan Kolej UPM (SUKOL) untuk pelajar menonjolkan bakat dalam bidang sukan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata melalui kejohanan sukan itu pelajar turut akan berpeluang dipilih mewakili UPM dalam kejohanan sukan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Penganjuran SUKOL secara langsung akan membina soft skill pelajar serta platform kepada pelajar untuk mewakili universiti di kejohanan seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT)," katanya.

Ketua Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub pula berkata SUKOL dipertandingkan secara dua fasa memabitkan 36 acara antaranya ragbi, bola sepak, bola jaring, tenpin boling dan olahraga.

Beliau juga berkata Pusat Sukan bakal menganjurkan kursus latihan sukan besbol selama tiga hari dengan kerjasama pihak negara Jepun.

Sementara itu, Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSAS) UPM muncul juara keseluruhan perbarisan kawad kaki pada majlis perasmian itu.

Majlis perasmian dimulakan dengan perarakan masuk pasukan perbarisan kawad kaki dari 17 kolej kediaman UPM, sebelum diikuti oleh paluan gendang pasukan pancaragam St. John Naval Cadet Band.

Bacaan ikrar kejohanan diketuai atlet Sukan Olimpik Rio, Cheong Jun Hoong, Zaidatul Husniah Zulkifli dan Johnathan Guanjie. Majlis perasmian turut dimeriahkan dengan persembahan pancaragam dari St John Institution Kuala Lumpur. – UPM

